

BUSINESS PITCHING

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Tugas ini merupakan tugas kumpulan, di mana pembahagian kumpulan akan ditentukan mengikut kesesuaian berdasarkan bilangan pelajar dalam kelas.
- 2) Pelajar dikehendaki menghasilkan slaid pembentangan menggunakan sebarang aplikasi yang bersesuaian dan dibentang di hadapan pensyarah.
- 3) Penilaian pembentangan *Business Pitching* ini akan dibuat berdasarkan rubrik yang telah disediakan.
- 4) Setiap kumpulan diberi masa 10 minit untuk pembentangan, diikuti dengan sesi soal jawab.
- 5) Pelajar perlu menyerahkan satu salinan bahan pembentangan dalam bentuk cetakan (*hardcopy*) sebelum pembentangan dilaksanakan.

SOALAN:

Anda dan kumpulan anda merupakan peserta ‘*Commercialization Pitching The Big Idea Competition 2025*’ Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Bahagian Pengkomersilan, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi. Pertandingan ini membawa tema “Polycc Inovatif Mengilham Idea, Memperkasa Pasaran” dengan kategori penyertaan berikut:

- a) Industri Seni & Kreatif
- b) Makanan & Minuman
- c) Teknologi & Inovasi
- d) Perkhidmatan

Sebagai peserta, anda dan kumpulan anda perlu membentangkan idea produk atau perkhidmatan perniagaan anda mengikut salah satu kategori di atas. *Pitching* anda perlu meyakinkan juri untuk menyokong idea tersebut sebagai satu peluang perniagaan yang berpotensi tinggi. Dalam sesi *pitching*, anda perlu membentangkan elemen berikut :

- a) Memperkenalkan ahli kumpulan dengan jelas
- b) Membentangkan maklumat berikut:
 - i. Latar belakang perniagaan
 - ii. Deskripsi produk atau perkhidmatan
 - iii. Nilai unik produk atau perkhidmatan (Unique Selling Proposition – *USP*)
 - iv. Pasaran sasaran produk atau perkhidmatan
 - v. Strategi pemasaran produk atau perkhidmatan
 - vi. Halatuju dan perancangan masa hadapan
 - vii. Kesimpulan
- c) Menggunakan kemahiran komunikasi verbal (intonasi, gaya bahasa, kelancaran) dan non-verbal (kontak mata, bahasa tubuh, ekspresi wajah, postur) yang sesuai.
- d) Menutup *pitching* dengan *call to action* yang meyakinkan (contoh: rayuan pelaburan, kolaborasi, atau sokongan juri).

CLO2

SOALAN TAMAT**Selamat Menjawab**